Cuti-cuti Kuala Lumpur

Tempat menarik sekitar ibu kota pikat pelancong tempatan, asing saban tahun

Oleh Haryani Ngah
arsenal@arcom.my

Menara Kuala Lumpur

Tugu Peringatan Negara

Pasar Seni

Zoo Negara

Muzium Negara

Aquaria KLCC

Dataran Merdeka

MENARA KUALA LUMPUR

TERLETAK pada ketinggian 94 meter dari aras laut, di puncak Bukit Nanas, lokasi tapaknya adalah lebih tinggi daripada Menara Berkembar Kuala Lumpur.

Ia dibina sebagai menara komunikasi bagi meningkatkan kualiti komunikasi dan transmisi penyiaran negara, sekali gus menjadi simbol kecemerlangan pencapaian dalam arena telekomunikasi negara.

Menara dengan ketinggian 421 meter ini dibina dengan 45,000 meter kubik konkrit. Ia diserta bentuk tulang rusuk menganjur ke bahagian luar dengan berat meleleh 100,000 tan.

Dikiraf sebagai menara lantinggi di rantau Asia Tenggara dan saja sepunyinya pada Mei 1996 selepas empat tahun pembinaan, menara ini mampu menahan tekanan angin luar biasa sehingga 90 batu sejam.

Pelbagai aktiviti boleh dilakukan pengunjung seperti bersantai sambil menikmati pemandangan ibu kota atau menikmati makan malam di Restoran Berputar Sri Angkasa pada ketinggian 288 meter dari aras laut.

Teleskop disediakan bagi memudahkan pengunjung melihat pemandangan ibu kota. Jika cuaca baik, anda dapat melihat pemandangan matahari terbenam.

Lebih menarik, pengunjung juga boleh melihat kawasan mana bakal ditimpa hujan berdasarkan keadaan awan di sekeliling tempat.

Setiap tahun, ia menjadi lokasi acara terjun bebas. Kuala Lumpur Tower International Jump yang menarik peminat sukan itu dari serata dunia.

Pemenang tujuan atlitnya boleh mencuba Flying Fox dengan bayaran berpatutan di sini.

Bagaimana Ke Sana?
Berhenti di Stesen Monorel Bukit Nanas atau Stesen Pudu LRT Dang Wangi dan berjalan kaki ke arah Hotel Shang-rLa. Menara terletak kira-kira 200 meter dari hotel itu. Van percuma disediakan di laki bukit.

Waktu Operasi
Isnin hingga Ahad: 9 pagi - 10 malam

Bayaran ke dek pemandangan
RM10 (dewasa) dan RM5 (kanak-kanak).

MENARA BERKEMBAR PETRONAS

MENARA Berkembar Petronas ialu bangunan yang mempunyai 88 tingkat atas juga dikenali sebagai KLCC adalah bangunan berkembar yang tertinggi di dunia.

Ia terletak di tengah pusat bandar raya dan bangunannya merangkumi kompleks pejabat, dewan konvensyen, sebuah taman yang luas dan kompleks beli-belah.

Sere bina menara berkembar ini direka oleh arkitek Amerika yang berasal dari Argentina ialu Cesar Pelli yang mendapat ilham relasan daripada corak geometrik yang sering digunakan di dalam seni bina Islam.

Terdapat beberapa tempat menarik di kawasan KLCC yang sering menjadi tumpuan pelancong antaranya Taman KLCC, satu sebuah taman yang luas dengan landskap direka indah, kompleks beli-belah Suria KLCC, Dewan Filharmonik Petronas, Pusat Sains Petronas, Galeri Seni Petronas, Aquaria Oceanarium dan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Jika berkunjung ke Menara Petronas, jangan ketinggalan melewati jembatan udara (skybridge) yang dibuka kepada pelawat mulai jam 8.30 pagi hingga 1 petang setiap Selasa hingga Ahad (ditutup pada Isnin).

Bagaimana Ke Sana?
Menara Berkembar Petronas terletak di antara jalan Ampang dan Jalan Raja Chulan. Hotel Mandarin Oriental dan The Ascott juga terletak berhampiran dengan menara ini.

Stesen KLCC dibubungkan oleh Putra LRT.

Maklumat lanjut
Layari laman web : www.suria-klcc.com.my

PASAR SENI

BANGUNAN ini menonjolkan warisan seni bina Kuala Lumpur yang mewah indah berfungsi sebagai sebuah bazar berhawa dingin yang menjual hasil seni dan kraf tangan.

Di tingkat atas dan bahagian luar bazar ini dikhususkan untuk restoran dan pub yang dilengkapi dengan suasana yang menarik, manakala di bangunan tambahan di belakang Pasar Seni terdapat kedai makan dan dua kafe kelab hiburan.

Terdapat sebuah panggung terbuka di lepak sangat berhampiran Pasar Seni yang menyediakan pelbagai pengalaman berkaitan dengan kebudayaan menarik anda.

Nikmati pelbagai persembahan dan demonstrasi atau anda sendiri boleh cuba mencubanya dengan cara tradisional.

Pasar Seni menghimpunkan pelbagai tempatan berbakat dan mempamerkan aktiviti melukis, seni mempuat hasil kulitan kepada orang ramai.

Pelbagai jenis hasil seni dan kraf tangan tradisional dari Malaysia dan negara-negara lain boleh dicipta di sini.

Pasar Seni terletak di pinggir Chinatown dan jika anda melawat Chinatown, anda disyorkan mengambil kesempatan anda di Pasar Seni. Di mana anda boleh menikmati minuman mengingatkan dalam suasana berhawa dingin yang nyaman.

Bagaimana Ke Sana?
Terdapat perhentian bas di depan Pasar Seni atau anda boleh menggunakan dengan menaiki Putra LRT yang terletak bertentangan dengan Pasar Seni.

TUGU PERINGATAN

Dipertengahan Tugu Negara tersangkan sebuah arca tugu peringatan gangsa setebasar ditukiss. Arca ini dirapta pada 1966 oleh felix de Weldon ialu seorang pereka tinterial yang juga pencipta tugu peringatan Iwo Jima di Washington DC.

Tujuh orang askar yang membentuk tugu peringatan ini melambangkan kesatan, pengorbanan dan kejiwaan penduduk Malaysia.

Tugu ini didirikan bagi memperingati jasa mereka yang terbakit dan terkorban di dalam Perang Dunia Kedua dan sewaktu Darurat di Malaya.

Tugu ini terletak di tubuh yang tersiram, di kelilingi dengan kolam air pancut yang dihias arca bunga teratai yang dipetuat dari pada gemer.

Sesetelah itu Tugu Negara terletak Taman Aman dan Memorial Tun Razak di mana terdampanya barang-barang peninggalan Perdana Menteri Malaysia yang kedua ialu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Bagaimana Ke Sana?
Tugu Negara terletak berselebelah Taman Tasik Perdana di Jalan Parliment, bekah dikawat menaiki bas.

MUZIUM NEGARA

SEGALA maklumat berkaitan budaya dan warisan negara terdibut di Muzium Negara.

Muzium Negara yang sekarang ini, sebenarnya adalah tapak Muzium Selangor yang dibina pada 1898. Bagaimanapun selepas kemerdekaan negara daripada Britain pada 31 Ogos, 1957, kerajaan persekutuan membina muzium baru di tapak itu.

Di kawasan muzium, terdapat beberapa harta negara seperti istana Sultan Zahid Abadin III, Sultan Terengganu yang dibina pada 1884, bina ialu Ilu dibina sepenuhnya tiarapada kayu cengal dan dibina semula di kawasan muzium pada 1974.

Terkini lain di kawasan muzium termasuk, patung Sir Francis Light yang membuka Pulau Pinang sekan tanah kolni pertama dari 1.4.1786 dan dibina di Pulau Pinang.

Bagaimana Ke Sana?
Lokasinya di Jalan Damansara, Muzium Negara mengadakan ia tempat yang dikenali. Anda boleh ke sini menggunakan bas atau teksi, ia juga berdekatan KL Sentral.

Maklumat lanjut
Muzium Negara Malaysia, Jalan Damansara, 50566, Kuala Lumpur. Tel: 603-2282-6255 Fax:603-2282-0404

Laman web: www.museum.gov.my

Waktu operasi: 9 pagi - 6 petang

Dibuka setiap hari kecuali pada Ahlitri dan Aidiladha.

ZOO NEGARA

PEMINAT binatang boleh berkunjung ke Zoo Negara, manakala bas Metrobus bernombor 16 dan Pasar Seni, Kuala Lumpur akan berhenti di stesen bas hadapan zoo.

Waktu operasi: 9 pagi - 5 petang (hari biasa), 9 pagi - 10.30 malam (hujung minggu dan cuti umum). (Tertakluk kepada pertukaran).

Maklumat lanjut
Zoo Negara Malaysia Hulu Kelang, 68100 Ampang, Selangor Darul Ehsan. Malaysia. Tel: 603 - 41083422/ 41 Fax: 603 - 41075575/2070

Laman web: www.zoonegara.org.my

DATARAN MERDEKA

Dataran Merdeka yang dirancangkan semyana mempeningati hari kemerdekaan Malaysia ialah dentinasi paling sesuai untuk menyinggap sejarah bandar raya Kuala Lumpur.

Di sekitar tempatnya di mana bendera Union Jack diturunkan pada 31 Ogos 1957 memandekan tematnya zaman penjajahan inggeris.

Pada dirik itu, Perdana Menteri Malaysia yang pertama ialu Tunku Abdul Rahman menimpak dibuan warga negara dengan lauran gan aiaran: "Merdeka! Merdeka! Merdeka" sebagai Pertiptiraan kemerdekaan Malaysia.

Kini, tang berdera setinggi 100 meter meringkarkan tiang dera Malaysia bagi memperingati hari yang bersejarah itu.

Padang di Dataran Merdeka merupakan pesesan penting sebagai tapak perakian pulis dan lelaki bagi pelbagai acara dan aktiviti sukan seperti kriket pada suatu masa dulu. Landskap dataran yang direka indah itu juga memberikan pemandangan kaki langit ibu kota yang menawan.

Bangunan Kelab Selangor yang terletak di tepi padang Dataran Merdeka mempunyai seni bina ala Tudor dibina pada 1890 dan pernah menjadi tempat tumpuan warga elit di Kuala Lumpur suatu ketika dahulu.

Di seberang padang Dataran Merdeka pula terletak bangunan Sultan Abdul Samad. Bangunan yang mempunyai cir-cir seni bina Islam itu dikempunakan pada 1897 dan pernah digunakan sebagai pejabat beberapa jabatan pentadbiran yang penting sewaktu zaman penjajahan inggeris.

Bagaimana Ke Sana?
Dataran Merdeka terletak hanya 3 minit dari Pasar Seni. Sekiranya anda menaiki Putra LRT turun di stesen Pasar Seni, keluar di sebelah jalanang bangunan ini, belok ke kanan dan gunakan jambatan untuk menyeberangi sungai. Dataran Merdeka terletak di hadapan Jalan Raja.

AQUARIA KLCC

SAKSIKANLAH pelbagai spesies hidupan air di dalam profil di Pusat Pameran Aquaria.

Selain mempamerkan pelbagai jenis hidupan akuatik, Aquaria turut memperkenalkan hidupan reptilia, amfibia dan serangga yang hidup di dalam serta sudah jarang ditemui termasuk di sekitar hutan.

Konsep yang diperkenalkan Aquaria adalah 'hidupan akuatik dari pengunungan hingga laut dalam' dan kompleks ini direka untuk kawasan pengunjung berdasarkan konsep berkenaan.

Berkunjung ke Aquaria KLCC pengunjung akan didedahkan dengan pelbagai pengetahuan baru dan menarik antaranya kewujudan ikan jerung serta tapak Sulaiman yang mendiami kawasan air tawar. Pengunjung turut berpeluang menerit telur serta ikan jerung yang baru menetas.

Pusat itu mengandungi lebih 150 spesies hidupan atau 5,000 haiwan dari kawasan pengumungan hingga ke lautan dengan kedalaman kira-kira 3,000 meter yang dipenoleh dari kawasan perairan dari dataran Afrika Selatan, Sri Lanka, Indonesia, Taiwan, Brazil selain Malaysia.

Bagaimana Ke Sana?
Terletak berselebelah Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) boleh dihubungi dengan LRT Putra-stesen KLCC.

Waktu Operasi: 10 pagi - 10 malam

Kadar bayaran:
Dewasa - RM38 (Pemilik MyKad - RM28)
Kanak-kanak - RM26 (6hingga tahun - 12 tahun) (Pemilik MyKid - RM22)
Kanak-kanak dua tahun ke bawah - Percuma

Maklumat lanjut
Tel: 03-23331888
Faks: 03-23800069

Laman web: www.klaquaria.com

Menara Berkembar Petronas